

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN
DEWAN NEGARA MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KETIGA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 19 April 2017

SOALAN

Puan Bathmavathi Krishnan minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan sama ada komponen golongan OKU diberi perhatian yang sewajarnya dalam pengwujudan masyarakat inklusif di bawah program MOST (Management of Social Transformation) dan apakah komitmen yang dijanjikan oleh Kerajaan dan Kementerian pada Asia Pacific Ministerial Forum of MOST yang telah diadakan pada bulan Mac 2017.

JAWAPAN

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) dengan kerjasama United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization (UNESCO) telah menganjurkan Asia-Pacific Ministerial Forum of Management of Social Transformation (MOST) Programme pada 22 dan 23 Mac 2017 di Hotel Sunway Putra, Kuala Lumpur. Selain itu, Senior Officials Meeting for Asia-Pacific Regional Forum of MOST juga telah diadakan dua hari sebelum Ministerial Forum iaitu pada 20 dan 21 Mac 2017. Kedua-dua mesyuarat dan forum MOST ini telah mendapat sambutan yang baik daripada wakil 17 buah negara di rantau Asia-Pasifik yang melibatkan antara lain menteri yang memegang portfolio pembangunan sosial, pegawai kanan kerajaan, penyelidik universiti, wakil Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UN) dan pertubuhan-pertubuhan bukan Kerajaan (NGO). Mesyuarat dan forum MOST ini diadakan bertujuan untuk dijadikan sebagai medium perkongsian pengetahuan, kepakaran dan pengalaman dalam membangun serta melaksanakan dasar berpandukan bukti (evidence-based policy) bersama penyelidik dan pembuat dasar. Ia juga bertujuan meningkatkan kerjasama serantau dalam merangka dasar awam yang berkesan supaya perkara-perkara berkaitan pengetahuan sains sosial dapat diterjemahkan ke dalam pelan tindakan yang terbaik untuk sesebuah negara. Tema Mesyuarat dan Forum Program MOST bagi tahun 2017 ialah "Building Inclusive Societies". Di bawah tema ini, tiga sub-tema telah dikenal pasti iaitu social innovation, ageing dan empowering of women. Tuan Yang Dipertua, Walaupun golongan Orang Kurang Upaya (OKU) tidak dijadikan sub-tema dalam mesyuarat dan forum MOST ini, isu dan kepentingan OKU telah disentuh dan dikupas secara umum selaras dengan tema utama iaitu berkaitan inklusiviti. Tiga kertas kerja berkaitan OKU telah dibentangkan oleh wakil delegasi dalam Mesyuarat Senior Officials Meeting For Asia Pacific Regional Forum Of Management Of Social Transformations Programme iaitu: 1. Promoting Social Inclusion of Persons with Disability in Timor-Leste – The Analytical Process and its Findings. (Timor Leste) Antara perkara yang dicadangkan adalah: a. Meningkatkan belanjawan untuk pelajaran OKU; b. Memberi peluang yang sama dalam pekerjaan untuk OKU; c. Meningkatkan penyertaan OKU dalam politik; d. Meningkatkan bilangan doctor untuk rawatan OKU; e. Hak untuk diadili; f. Hak untuk mendapatkan maklumat yang mudah dicapai (Information must be accessible for PwDs); g. Memastikan keluarga dan komuniti boleh menyara OKU;. 2. Building Inclusive Societies in Asia and The Pacific.- United Nation Economic and Social Communication for Asia dan Pacific (UNESCAP) Antara perkara yang dibincangkan: a. Mengikut kajian UNESCAP, terdapat seramai 650 juta OKU tidak diberi peluang pekerjaan di Asia Pasific. Atas sebab tersebut UNESCAP telah mencadangkan; i. Pelaksanaan kajian untuk mendapatkan kaedah terbaik untuk pelaksanaan polisi dandasar bagi memastikan pembangunan inklusif terhadap OKU. 3. Policy Analyst of Ministry Social Affairs of Republic of Indonesia – For inclusive Cities. a. Cadangan untuk menggubal akta bagi memberi peluang pekerjaan kepada OKU; i. 2% didalam sector awam/kerajaan dan ii. 1% di sector swasta. Antara perkara yang telah dibentang dan dibincangkan termasuk peluang pekerjaan OKU, kesihatan, pendidikan dan perundangan bagi melindungi golongan OKU. Selain itu, cadangan penambahbaikan dari segi perundangan dan dasar bagi mempertingkatkan dan memperkasa usaha untuk mengarusperdanakan OKU dalam pembangunan negara bagi menjamin masyarakat yang inklusif juga telah dibincangkan. Sebagai penggulungan kepada mesyuarat dan forum MOST ini, satu Outcome Document telah dipersetujui pada 23 Mac 2017. Dokumen ini merangkumi cadangan yang dipersetujui oleh wakil ahli negara untuk dibawa kepada kerajaan masing-masing bagi perhatian dan pertimbangan tindakan susulan. Antara perkara yang dipersetujui ialah memberi kepentingan kepada peranan penyelidikan dalam perancangan dan penggubalan dasar terutamanya dari segi pembangunan sosial bagi sub-tema termasuk memelihara kepentingan golongan OKU. Secara ringkasnya, penganjuran mesyuarat dan forum MOST ini telah menunjukkan komitmen Malaysia bukan sahaja dalam negara tetapi juga di arena serantau dalam membina masyarakat yang inklusif seperti dalam Rancangan Malaysia Kesebelas dan Agenda 2030 dengan 17 Matlamat Pembangunan Lestari atau Sustainable Development Goals di bawahnya.

